

Mahathir seru ahli2 UMNO waspada

Rakatan PAS-DAP: Amaran

KUALA LUMPUR, Ahad

TIMBALAN Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan ahli-ahli UMNO tentang kemungkinan kerjasama antara PAS dengan DAP untuk menggagalkan calon-calon Barisan Nasional dalam pilihanraya umum akan datang.

Katanya, terdapat usaha yang sedang dijalankan oleh pihak-pihak tertentu untuk memastikan undi orang-orang Melayu tidak pergi kepada calon-calon Barisan Nasional.

Tegas beliau, "kini PAS sedang giat mengumpulkan sokongan orang-orang Melayu yang sedikit itu di sekitar Wilayah Persekutuan agar calon Barisan Nasional yang bersimpati dengan perjuangan UMNO itu tewas."

Beliau berkata demikian semasa memasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Kuala Lumpur Bandar di sini hari ini.

Katanya, di Perak sudah timbul ura-ura kerjasama antara kedua-dua parti pembangkang itu dalam menghadapi pilihanraya umum akan datang.

"Kerjasama seperti itu sudah bertambah nyata di Parlimen di mana pemimpin-pemimpin kedua-dua parti itu selalu sahaja kelihatan berbincang dan dalam beberapa masalah tertentu seperti masalah Kelantan baru-baru ini mereka nyata sependapat."

Oleh itu, katanya, tidaklah hairan kalau PAS bekerjasama dengan DAP sama ada secara langsung atau terutap dalam menghadapi pilihanraya umum akan datang.

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Naib Presiden UMNO mengingatkan ahli-ahli parti itu supaya mengekalkan perpaduan di kalangan mereka.

Katanya, parti-parti lain khususnya PAS sedang giat berusaha untuk memecahbelahkan perpaduan di kalangan orang-orang Melayu.

"Mereka lebih suka melihat perpecahan di kalangan orang-orang Melayu yang juga akan melemahkan UMNO sendiri dan kalau boleh dikalahkan dalam pilihanraya akan datang."

Diharapkan

Tegas beliau, di kawasan Wilayah Persekutuan, terutama di kawasan Kuala Lumpur Bandar adalah tidak mungkin bagi UMNO untuk meletakkan calonnya.

Apa yang dapat diharapkan oleh UMNO ialah kemenangan bagi calon-calon yang bersimpati dengannya melalui Barisan Nasional, tambah beliau.

"Tugas kita, ahli-ahli UMNO ialah menentukan kemenangan calon-calon Barisan Nasional dan kalau orang-orang Melayu beraut dalam UMNO di Kuala Lumpur ini, kita mungkin boleh menjadi kuasa penentu dalam pilihanraya akan datang."

Katanya, kalau orang-orang Melayu dipecahkan, sudah tentu mereka tidak dapat lagi memainkan peranan "kuasa penentu" itu.

Mengenai perbezaan pendapat di kalangan ahli-ahli UMNO sendiri, Timbalan Perdana Menteri berkata sebarang pendapat boleh disalurkan melalui peraturan dan ketetapan tertentu.

Sementara itu, ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Bagan Serai pagi tadi Dato Seri Dr. Mahathir menyeru ahli-ahli UMNO supaya mengeneapkan perbezaan pendapat bagi menjamin kejayaan UMNO dalam pilihanraya akan datang.

Katanya, memandangkan kepada pilihanraya akan datang, terpujukan pemilihan pucuk pimpinan UMNO sendiri, tekanan serta ugutan dari ahli-ahli akan dirasai timbul berhubung dengan pemilihan calon-calon.

Tegas beliau, adalah penting bagi semua ahli termasuk mereka yang tidak terpilih sebagai calon untuk melupakan segala perselisihan fahaman dan menjaga perpaduan parti.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia